

Bil. S 46

**AKTA YAYASAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH
(Penggai 166)**

**PERINTAH AKTA YAYASAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH
(PINDAAN JADUAL), 2003**

SUSUNAN PERENGGAN-PERENGGAN

Perenggan

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
2. Pindaan bab 4 Jadual kepada Penggal 166.
3. Pindaan bab 6 Jadual.
4. Pindaan bab 7 Jadual.

**AKTA YAYASAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH
(Penggai 166)**

**PERINTAH AKTA YAYASAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH
(PINDAAN JADUAL), 2003**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 5 dari Akta Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (Pindaan Jadual), 2003 dan hendaklah dianggap telah berjalan kuatkuasanya pada 5 haribulan Oktober, 1992.

Pindaan bab 4 Jadual kepada Penggal 166.

2. Bab 4 Jadual kepada Akta Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dipinda —

(a) dalam cerai (2), dengan memotong "Timbalan Pengerusi" dari baris pertama dan kedua dan menggantikannya dengan "Timbalan Pengerusi pertama, Timbalan Pengerusi kedua";

(b) dalam cerai (6), dengan memotong "Timbalan Pengerusi" dari baris terakhir dan menggantikannya dengan "Timbalan Pengerusi pertama, dan sekiranya dia, pada masa itu, tidak dapat menjalankan tugas-tugas itu kerana sebarang sebab tersebut, oleh Timbalan Pengerusi kedua sehingga masa apabila sama ada Pengerusi atau Timbalan Pengerusi pertama dapat menjalankan tugas-tugas itu, mengikut mana yang lebih awal";

(c) dalam cerai (7), dengan memotong "Timbalan Pengerusi" dari baris terakhir dan menggantikannya dengan "salah seorang daripada Timbalan-Timbalan Pengerusi".

Pindaan bab 6 Jadual.

3. Bab 6 Jadual kepada Akta itu adalah dipinda, dalam cerai (6) —

(a) dengan memotong noktah dan menggantikannya dengan noktah bertindih;

(b) dengan menambah proviso yang berikut —

"Dengan syarat bahawa, jika ketiadaan atau ketiadaupayaan tersebut adalah bagi suatu tempoh yang kurang dari 6 bulan kalendar secara berterusan, kuasa untuk membuat sebarang lantikan tersebut hendaklah terletak hak pada Pengerusi yang akan memberitahu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan mengenai lantikan itu dari masa ke semasa."

Pindaan bab 7 Jadual.

4. Bab 7 Jadual kepada Akta itu adalah dipinda —

(a) dalam cerai (2), dengan memotong "Timbalan Pengerusi" dari baris kedua dan menggantikannya dengan "Timbalan Pengerusi pertama, Timbalan Pengerusi kedua";

(b) dalam cerai (4), dengan memotong "dan Timbalan Pengerusi" dari baris terakhir dan menggantikannya dengan ", Timbalan Pengerusi pertama dan Timbalan Pengerusi kedua,";

(c) dengan menambah 5 cerai baru yang berikut —

"(6) Ahli-ahli Jemaah Tadbir hendaklah dilantik daripada kalangan rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang beragama Islam menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah.

(7) Jika Pengerusi tidak dapat menjalankan tugas-tugasnya di bawah Perlembagaan ini kerana sakit, tidak berada di Negara Brunei Darussalam atau kerana sebarang sebab lain apa jua pun, maka tugas-tugasnya hendaklah dijalankan oleh Timbalan Pengerusi pertama, dan sekiranya dia, pada masa itu, tidak dapat menjalankan tugas-tugas itu kerana sebarang sebab tersebut, oleh Timbalan Pengerusi kedua sehingga masa apabila sama ada Pengerusi atau Timbalan Pengerusi pertama dapat menjalankan tugas-tugas itu, mengikut mana yang lebih awal.

(8) Pengerusi hendaklah memanggil mesyuarat seberapa kerap yang mungkin dikehendaki dan pada setiap mesyuarat Jemaah Tadbir, korum hendaklah terdiri daripada 3 orang ahli, termasuk Pengerusi atau salah seorang daripada Timbalan-Timbalan Pengerusi.

(9) Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus dalam hal persamaan undi.

(10) Jemaah Tadbir boleh mempelawa mana-mana orang sebagaimana yang difikirkannya patut untuk menghadiri mesyuarat Jemaah Tadbir bagi maksud memberi nasihat kepada Jemaah Tadbir mengenai apa jua perkara. ”.

Diperbuat pada hari ini 28 haribulan Jamadilakhir, Tahun Hijrah 1424 bersamaan dengan 26 haribulan Ogos, 2003 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM